

## **BAB 3 : MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

Penetapan kerangka utama OACP PDT Kuantan merangkumi misi, visi, matlamat, bidang keutamaan, strategi, objektif strategik dan inisiatif untuk mencapai objektif.

# KERANGKA UTAMA PELAN ANTIRASUAH PDT KUANTAN

<b>VISI</b>	Melahirkan warga kerja PDT Kuantan yang amanah dan berintegriti.		
<b>MISI</b>	Memperkukuhkan integriti dan tadbir urus warga kerja PDT Kuantan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa semasa selaras dengan dasar Negeri dan Negara.		
<b>MATLAMAT</b>	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam di PDT Kuantan.		
<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>	Pentadbiran sektor awam	Perolehan awam	Tadbir urus korporat
<b>STRATEGI</b>	Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam	Meningkatkan ketelusan perolehan awam	Memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan warga PDT Kuantan dalam penyampaian perkhidmatan awam

# ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 6 inisiatif yang dikenalpasti daripada 20 inisiatif berdasarkan punca rasuah yang ditemui. 6 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 6 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok kuadran A (impak tinggi dan kompleksiti rendah) memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya sebaliknya mampu memberi kesan besar kepada penambahbaikan tadbir urus organisasi.



## Strategi 1

Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

## Strategi 2

Meningkatkan ketelusan perolehan awam

## Strategi 3

Memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan warga PDT Kuantan dalam penyampaian perkhidmatan awam

# KEUTAMAAN STRATEGI

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi inisiatif yang dikenalpasti berdasarkan punca rasuah yang ditemui.

BIL	STRATEGI	INISIATIF	KUADRAN
1	1	Menyediakan program latihan yang bersesuaian dengan skop kerja.	A
2	1	Memastikan kehadiran kursus sekurang-kurangnya 5 hari setahun	A
3	1	Perkongsian ilmu melalui program seperti Mentor Mentee dan lawatan penanda aras.	B
4	1	Mewujudkan mekanisme pemantauan di setiap unit dengan melantik seorang pegawai pemantau dan mengemukakan laporan kehadiran setiap bulan.	A
5	1	Memastikan tindakan punitif diambil dengan tegas kepada yang terlibat.	B
6	1	Melaksanakan Program Pengukuhan Integriti	B
7	1	Memastikan tindakan punitif diambil kepada yang terlibat.	B
8	1	Melaksanakan pusingan kerja di jawatan sensitive (3-5 tahun) dan jawatan tidak sensitive (3-8 tahun).	B
9	2	Memperkuhkan pelaksanaan Integrity Pact berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat sulit.	A
10	2	Melaksanakan tindakan punitif terhadap kakitangan yang terlibat membocorkan maklumat.	B
11	2	Memperkasakan latihan pengukuhan berhubung penyediaan BQ.	A
12	2	Memastikan semakan serta pengesahan ditapak bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan tidak dilaksanakan sebelum bayaran dibuat.	B

# KEUTAMAAN STRATEGI

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi inisiatif yang dikenalpasti berdasarkan punca rasuah yang ditemui.

BIL	STRATEGI	INISIATIF	KUADRAN
13	2	Memastikan tindakan punitif diambil kepada yang terlibat.	B
14	2	Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi segala tuntutan yang dibuat oleh pegawai.	A
15	2	Mengadakan kursus/ latihan berkaitan tatacara tuntutan mengikut peraturan sebenar dan program kesedaran bersama SPRM berhubung tuntutan palsu.	A
16	3	Memperolehi sijil MS ISO 9001:2015 Quality Management System	B
17	3	Semakan semula proses kerja melalui audit dalam dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).	B
18	3	Menyediakan Program Team building dan program latihan berkaitan kesihatan mental dan fizikal.	B
19	3	Program saringan kesihatan mental dan fizikal	A
20	3	Meningkatkan keselesaan ruang pejabat	A
21	3	Menggalakkan warga kerja berinovasi dan merekayasa proses kerja bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan.	B
22	3	Mengenalpasti keperluan pihak berkepentingan dan pelanggan melalui penyediaan Piagam Pelanggan.	A



**BIDANG KEUTAMAAN,  
STRATEGI DAN OBJEKTIF  
STRATEGIK OACP PDT  
KUANTAN**

**BIDANG KEUTAMAAN 1**  
**PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 1**  
**MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN**  
**PERKHIDMATAN AWAM**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1**  
Mempertingkatkan mutu dan kecekapan warga kerja PDT  
Kuantan

## OBJEKTIF STRATEGIK 1

Mempertingkatkan mutu dan kecekapan warga kerja PDT Kuantan

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1	Ketidakcekapan dan kecuaiian dalam melaksanakan kerja	<p>1.1.1 Menyediakan program latihan yang bersesuaian dengan skop kerja.</p> <p>1.1.2 Memastikan kehadiran kursus sekurang-kurangnya 5 hari setahun</p> <p>1.1.3 Perkongsian ilmu dan pengalaman melalui Program Mentor Mentee</p>	Unit Pengurusan Sumber Manusia.	5 TAHUN (2021-2025)
1.2	Tidak menepati waktu kehadiran bekerja dan selalu tiada di pejabat pada waktu bekerja.	<p>1.2.1 Mewujudkan mekanisme pemantauan di setiap unit dengan melantik seorang pegawai pemantau dan mengemukakan laporan kehadiran setiap bulan.</p> <p>1.2.2 Memastikan tindakan punitif diambil dengan tegas kepada yang terlibat.</p>	<p>Unit Pentadbiran</p> <p>Unit Integriti</p>	5 TAHUN (2021-2025)
1.3	Penyelewengan dan Penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi.	<p>1.3.1 Melaksanakan Program Pengukuhan Integriti.</p> <p>1.3.2 Memastikan tindakan punitif diambil kepada yang terlibat.</p> <p>1.3.3 Melaksanakan pusingan kerja di jawatan sensitif (3-5 thn) dan jawatan tidak sensitif (3-8 thn)</p>	<p>Unit Integriti</p> <p>Unit Integriti</p> <p>Unit Sumber Manusia</p>	5 TAHUN (2021-2025)





**BIDANG KEUTAMAAN 2**  
**PEROLEHAN AWAM**

**STRATEGI 2**  
**MENINGKATKAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM**

**OBJEKTIF STRATEGIK 2**  
Memperkukuhkan mekanisme pengurusan projek

## OBJEKTIF STRATEGIK 2

### Memperkukuhkan mekanisme pengurusan projek

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.1	Kebocoran maklumat sebut harga/ lantikan terus menjejaskan pemilihan kontraktor menyebabkan pemilihan kontraktor yang tidak kompeten dan menyumbang kepada kegagalan projek.	<p>1.1.2 Memperkukuhkan pelaksanaan Integrity Pact berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat rahsia.</p> <p>1.1.3 Melaksanakan tindakan punitif terhadap kakitangan yang terlibat membocorkan maklumat.</p>	<p>Unit Pembangunan Fizikal</p> <p>Unit Integriti</p>	5 TAHUN (2021-2025)
1.2	Penyediaan Bill Of Quantities yang tidak tepat menyebabkan projek dilaksanakan tidak mencapai matlamat.	1.2.1 Memperkasakan latihan pengukuhan berhubung penyediaan BQ.	Unit Pembangunan Fizikal	5 TAHUN (2021-2025)
1.3	Bayaran dibuat kepada kontraktor bagi kerja yang tidak dilaksanakan.	<p>1.3.1 Memastikan semakan serta pengesahan di tapak bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan dan tidak dilaksanakan sebelum bayaran dibuat.</p> <p>1.3.2 Memastikan tindakan punitif diambil kepada yang terlibat.</p>	<p>Unit Pembangunan Fizikal</p> <p>Unit Integriti</p>	5 TAHUN (2021-2025)
1.4	Tuntutan palsu melibatkan warga kerja PDT Kuantan.	<p>1.4.1 Memperkasakan mekanisme pemantauan bagi segala tuntutan yang dibuat oleh pegawai.</p> <p>1.3.2 Mengadakan kursus/ latihan berkaitan tatacara tuntutan mengikut peraturan sebenar dan program kesedaran bersama SPRM berhubung tuntutan palsu.</p>	Unit Kewangan	5 TAHUN (2021-2025)



**BIDANG KEUTAMAAN 3**  
**TADBIR URUS KORPORAT**

**STRATEGI 3**  
MEMBUDAYAKAN TADBIR URUS YANG BAIK

**OBJEKTIF STRATEGIK 3**  
Memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan warga PDT  
Kuantan dalam penyampaian perkhidmatan awam

### OBJEKTIF STRATEGIK 3

Memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan warga PDT Kuantan dalam penyampaian perkhidmatan awam

BIL	RISIKO/ POTENSI RISIKO (KELEMAHAN : TADBIR URUS, INTEGRITI & ANTIRASUAH)	INISIATIF/ TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.1	Proses kerja tidak mematuhi dasar, peraturan berkuatkuasa semasa serta dilaksanakan berdasarkan amalan orang lama	3.1.1 Memperolehi sijil MS ISO 9001:2015 Quality Management System 3.1.2 Semakan semula proses kerja melalui audit dalam dan mesyuarat Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP).	Unit Pentadbiran	5 TAHUN (2021-2025)
1.2	Suasana tidak harmoni, kurang semangat berpasukan dan tekanan di tempat kerja menyebabkan kerja tidak dapat dilaksanakan dengan baik.	1.2.1 Menyediakan Program Team building dan Program latihan berkaitan kesihatan fizikal dan mental. 1.2.2 Program saringan kesihatan fizikal dan mental. 1.2.3 Meningkatkan keselesaan ruang pejabat	Unit Sumber Manusia Unit Sumber Manusia Unit Pentadbiran	5 TAHUN (2021-2025)
1.3	Organisasi tidak dinamik dan berdaya saing.	1.3.1 Menggalakkan warga kerja berinovasi dan merekayasa proses kerja bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan 1.3.2 Mengenalpasti keperluan pihak berkepentingan dan pelanggan melalui penyediaan Piagam Pelanggan	Unit Pentadbiran	5 TAHUN (2021-2025)